

Edisi Januari - Jun 2025

MITASA



*Suara*

# MITASA

*Adab Sebagai Asas  
Kecemerlangan Akademik  
dan Pembentukan Sahsiah*

*Biar Wasiat Jadi  
Suara Terakhir*

*Merungkai Potensi:  
Prestasi Pekerja Dalam  
Era Kerja Jarak Jauh*

*Motivasi Diri Berdasarkan  
Penilaian Prestasi*

*Cabaran dan Keperluan  
Graduan Teknologi  
Maklumat Dalam Dunia  
Pekerjaan Masa Kini*

*"Selamat Ke Kita Ni?":  
Meneroka 'OSH'*

*Kursus Pengurusan Operasi  
Perkhidmatan - Membentuk  
Insan Adabi Cemerlang*



**PERJUANGAN YANG BERTERUSAN**



## Motivasi Diri Berdasarkan Penilaian Prestasi

Dr Mohamad Firdaus bin Ahmad,  
Nur Syazwani Zulaikha binti Safwan

Pensyarah Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi

**P**enilaian prestasi sering dilihat sebagai alat untuk mengukur pencapaian pekerja. Penilaian prestasi ini sebenarnya merupakan satu proses penting dalam pengurusan sumber manusia yang berfungsi untuk menilai tahap pencapaian pekerja terhadap tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan. Selain daripada menentukan kenaikan pangkat atau ganjaran, penilaian prestasi yang dijalankan secara telus dan adil mampu menjadi pemangkin utama kepada motivasi harian pekerja dalam organisasi. Pekerja yang mengetahui prestasi mereka dinilai secara objektif dan konstruktif adalah cenderung untuk lebih komited dan menunjukkan prestasi kerja yang lebih baik. Pihak pengurusan organisasi yang terlibat dalam penilaian prestasi pekerja perlu memahami kepentingan penilaian prestasi ini kerana ianya bukan sahaja tertumpu pada pengukuran prestasi, tetapi juga kepada pembangunan sumber manusia itu sendiri.

Dalam konteks pekerjaan, motivasi pekerja adalah amat penting kerana memberi pengaruh kepada tahap produktiviti dan kualiti kerja. Apabila seseorang pekerja merasakan usaha mereka diiktiraf dan dinilai secara adil, mereka akan lebih terdorong untuk

memberikan prestasi yang terbaik. Sebaliknya, jika penilaian dilakukan secara sambil lewa atau berat sebelah, ia boleh menimbulkan rasa tidak puas hati, sekaligus menjejaskan motivasi dan komitmen mereka terhadap organisasi. Beberapa kajian terdahulu menunjukkan bahawa penilaian prestasi yang efektif mampu meningkatkan kepuasan kerja, menurunkan kadar keluar masuk pekerja dan memperkukuh hubungan antara majikan dan pekerja.

Penilaian prestasi berfungsi sebagai platform untuk menyampaikan maklum balas serta mengenal pasti keperluan latihan dan pembangunan pekerja. Melalui penilaian prestasi yang dijalankan mampu untuk memberikan maklum balas yang jelas kepada pekerja mengenai kekuatan dan kelemahan diri mereka. Ini memberi ruang kepada pekerja untuk menambah baik diri serta menetapkan matlamat profesional yang lebih jelas. Tambahan pula, melalui sesi penilaian, pekerja berpeluang untuk berkomunikasi secara terus dengan pihak pengurusan, sekali gus memperkukuh hubungan dua hala dan membina budaya kerja yang lebih terbuka dan positif.

Namun begitu, keberkesanan penilaian prestasi bergantung kepada pendekatan dan sistem yang digunakan. Penilaian

yang terlalu umum, tidak konsisten atau terlalu subjektif boleh membawa kesan negatif kepada semangat pekerja. Oleh itu, penting untuk organisasi membangunkan sistem penilaian yang jelas, terstruktur dan berasaskan prestasi sebenar yang boleh diukur. Berdasarkan pemerhatian dan pengalaman penulis, terdapat pelbagai cara amalan penilaian prestasi digunakan oleh seseorang penilai berdasarkan pengalaman mahupun emosi mereka. Penting untuk difahami bahawa penilaian prestasi berdasarkan emosi yang tidak stabil memberi kepada penilaian terhadap pekerja.

Oleh itu, pihak yang bertanggungjawab di dalam organisasi untuk memberi penilai kepada pekerja perlu untuk mempunyai kemahiran menilai yang baik kerana penilaian prestasi bukan sekadar alat untuk mengukur pencapaian pekerja, tetapi juga satu mekanisme penting dalam meningkatkan motivasi dan keberkesanan kerja. Apabila penilai dilakukan dengan baik, ia mampu menyemarakkan semangat pekerja untuk terus cemerlang dan memberi sumbangan positif kepada organisasi. Melalui pendekatan yang tepat, ia dapat menjadi pemangkin kepada budaya kerja yang cemerlang dan produktiviti yang mampan.



THE  
STARTING  
POINT  
OF ALL  
ACHIEVEMENT  
IS

**DESIRE.**

- Napoleon Hill